BERITA HARIAN
KHAMIS, 18 FEBRUARI 2016

BILANGAN 1/2

# TVET melahirkan belia berkemahiran khusus, berteraskan industri

## *Program tampung permintaan negara sediakan tenaga kerja mahir, berkelayakan*

Kuala Lumpur

Latihan Teknikal dan Vokasional atau lebih dikenali sebagai TVET (Technical and Vocational Education and Training) di Malaysia, kini giat membuka peluang kepada anak muda Malaysia yang kurang cenderung ke arah bidang akademik, untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam kemahiran dan kepakaran pilihan mereka sendiri.

Dengan berbuat demikian, program TVET ini juga dapat menampung permintaan negara untuk tenaga kerja mahir serta mengurangkan kebergantungan kepada modal insan asing.

Ini sejajar dengan pendapat Kerajaan di mana negara tidak hanya perlu bergantung harap kepada mereka yang cenderung kepada bidang akademik.

Dalam mengekalkan ekonomi positif Malaysia, adalah penting bagi negara untuk memiliki tenaga mahir yang besar dari segi teknikal.

TVET bukanlah sebuah konsep pendidikan tinggi yang baharu, tetapi satu pendekatan yang giat diguna pakai oleh banyak negara membangun dengan tujuan menyokong dua peranan penting.

Pertamanya, untuk menyediakan peluang latihan dan jalan kemajuan kerjaya untuk lepasan sekolah dan kedua, untuk menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan di semua tahap ekonomi.

Model *Apprenticeship* atau perantisan pertama kalinya disempurnakan di Jerman untuk memenuhi dua objektif utama iaitu untuk mengurangkan pengangguran dan untuk menangani ketidaksepadanan kemahiran pasaran buruh.



*"Kami amat berbangga dengan kerjasama di antara pihak kami dengan MMC Gamuda yang telah* ***dapat membantu menaikkan jumlah pekerja mahir negara dalam beberapa bidang kritikal****"*

**Amir Mohd Noor,**
*Ketua Pengarah Kolej Komuniti dari Kementerian Jabatan Pengajian Tinggi*

Model ini digunakan secara meluas di Eropah dan pada kebelakangan ini oleh Kerajaan Amerika Syarikat dengan memperuntukkan geran perantisan untuk memadankan pekerja sedia ada kepada pekerjaan yang terdapat di negara itu.

Di negara membangun, TVET merujuk kepada pendidikan teknikal bukan akademik serta latihan praktikal yang dapat membangunkan kemahiran dan pengetahuan perantis dalam sektor industri berbeza. TVET dianggap sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan yang menyediakan kursus dan program latihan berteraskan kemahiran pekerjaan untuk memudahkan peralihan pelajar atau pelatih muda dari alam pendidikan ke dunia pekerjaan.

Program ini juga membantu menyediakan tenaga kerja dan modal insan yang berkemahiran tinggi. Hasilnya ia membantu merapatkan jurang permintaan bekalan tenaga kerja dari pelbagai industri, terutamanya mereka yang terbabit dalam program transformasi ekonomi negara.

Kerajaan memperuntukkan sumber serta menubuhkan pelbagai pendekatan sistematik bagi sektor TVET sebagai laluan utama untuk menyediakan modal insan berkemahiran tinggi dan juga sebagai salah satu daripada pemacu utama ekonomi untuk Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.



***Tenaga mahir penerowongan (tunnelling) seperti juruteknik, juruelektrik dan mekanik diketengahkan melalui format bekerja sambil belajar (on-the-job-training)*** *bagi meningkatkan peluang pekerjaan apabila tamat pengajian.*



***Kerjasama industri bersama MMC-Gamuda dapat mewujudkan pasaran kerja yang sedia ada untuk graduan TVET*** *khususnya dalam bidang kerja penerowongan (tunnelling)*

Dalam konteks ini, pihak yang berkepentingan utama adalah kerajaan dan agensinya serta rakan kongsi industri di mana TVET secara amnya dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada keseluruhan belia Malaysia.

Dalam rangka kerja ini, dua penyumbang utama kepada inisiatif TVET, kerajaan berbicara mengenai kerjasama mereka dengan MMC-Gamuda sebagai rakan industri dan bagaimana inisiatif itu menyumbang ke arah mencapai matlamat negara sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

### Tingkat jumlah pekerja mahir

Ketua Pengarah Kolej Komuniti dari Kementerian Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Amir Mohd Noor, berkongsi pandangan mengenai TVET, dengan penekanan bagaimana kerjasama dengan industri tertentu dapat menaikkan jumlah pekerja mahir negara dalam beberapa bidang kritikal.

Amir mula mengetuai Program TVET di bawah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti sejak tahun 1982 lagi, di mana beliau percaya bahawa pencapaian akademik tidak semestinya menjadi penyelesaian akhir kepada isu tenaga kerja di negara ini.

Beliau menjelaskan bahawa terdapat 94 Kolej Komuniti yang kini menawarkan latihan vokasional dan teknikal di seluruh negara. Kolej Komuniti ditubuhkan dengan objektif menjadikan latihan teknikal dan vokasional serta pembelajaran sepanjang hayat, sebagai satu cara untuk membangunkan masyarakat tempatan menjadi berpengetahuan dan terlatih, justeru memenuhi permintaan dunia pekerjaan.

Menggunakan kerjasama dengan MMC-Gamuda sebagai contoh, Amir menjelaskan bahawa Program TVET Kolej Komuniti ini bermula dengan Pelan Strategi Tindakan Belia 1 Malaysia (SAY 1M) yang dibiayai oleh perbendaharaan negara pada tahun 2012. Di bawah prog-